

KENYATAAN

KEPADA : SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA (PENUH MASA) & DIPLOMA

PENDAFTARAN KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP),
SIDANG AKADEMIK 2015/2016

1. JADUAL AKTIVITI KSCP, SIDANG AKADEMIK 2015/2016

AKTIVITI	TARIKH
Cuti	27/06/2016 (Isnin) - 24/07/2016 (Ahad)
Keputusan Peperiksaan Provisional	15 Julai 2016 (Jumaat) Semakan keputusan Provisional/Rasmi (bergred) melalui perkhidmatan-perkhidmatan berikut :- 1. Perkhidmatan Pesanan Ringkas Taipkan USM<>jarak<>RESULT<>jarak<>No.KadPengenalan<>jarak<>Angka Giliran> dan hantar ke 15888 (Contohnya - USM RESULT 760230075685 45687) dan hantar ke 15888 2. Portal "Campus Online" https://campusonline.usm.my
Keputusan Peperiksaan Rasmi	05 Ogos 2016 (Jumaat) Mulai Jam 11.00 Pagi
Aktiviti Pendaftaran Kursus KSCP Di Pusat Pengajian	18/07/2016 (Isnin) - 19/07/2016 (Selasa)
Tempoh Mengajar & Pembelajaran	25/07/2016 (Isnin) - 05/08/2016 (Jumaat)
Peperiksaan	08/8/2016 (Isnin) - 12/8/2016 (Jumaat)
Cuti	13/08/2016 (Sabtu) - 04/09/2016 (Ahad)

2. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.

3. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUT KSCP

- Keputusan peperiksaan "Provisional" Semester 2, Sidang Akademik 2015/2016 akan digunapakai bagi tujuan pendaftaran kursus KSCP ini.
- Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut;
 - Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus
 - Pelajar yang memperolehi gred 'DK' (Dengan Kebenaran)
 - Pelajar yang mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D', 'D-'.
- Pelajar yang memperolehi gred 'F*' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.

(d) Pelajar yang terlibat dengan latihan-latihan industri/mengajar/amali tidak dibenarkan mengikuti KSCP. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan boleh membenarkan pelajar yang mengikuti latihan-latihan industri/mengajar/amali untuk mengikuti KSCP.

- Sila ambil perhatian bahawa pelajar yang telah disahkan layak berijazah selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester 2 adalah tidak layak mengulangi mana-mana kursus semasa fasa KSCP.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP **WAJIB** mendaftar kursus di Pusat Pengajian masing-masing.
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah ataupun menggugur kursus selepas minggu pertama.

5. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian masing-masing supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenalpasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh Universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester 2, Sidang Akademik 2015/2016 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.

PERHATIAN DAN KERJASAMA PELAJAR MEMATUHI TARIKH-TARIKH AKTIVITI KSCP DAN ARAHAN YANG DINYATAKAN AMATLAH DIHARGAI DAN TERIMA KASIH

SEKSYEN DATA & REKOD PELAJAR (SDRP)

Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar

No. Tel. : 04-653 2336/2924/4194 (Pej. Am)
No. Faks : 04-6574641
E-Mel : sdrp@usm.my
Web : registry.usm.my/updr

Tarikh luput : 05 Ogos 2016